KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15.02.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JKPTG			

Jabatan baharu urus kes harta pusaka

SIK – Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu jabatan baharu bagi menyelesaikan kes tunggakan pembahagian harta pusaka yang semakin meningkat setiap tahun.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, proses untuk mewujudkan jabatan itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk tindakan lanjut.

"Kita nak satu jabatan 'stand alone' dan juga ada pengarah-pengarah sendiri di peringkat negeri serta kakitangan.

"Sekarang ini kita belum ada dan ini kita sedang proses dalam tempoh terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Klinik Penyelesaian Tunggakan Kes Pusaka Peringkat Negeri Kedah di sini semalam.

Majlis tersebut dirasmikan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor.

Takiyuddin berkata, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui Bahagian Pembahagian Pusaka di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) merupakan satu-satunya jabatan kerajaan yang memberi perkhidmatan pembahagian harta pusaka.

Katanya, perkhidmatan yang diberikan itu bagaimanapun hanya melibatkan kes pembahagian harta pusaka bernilai di bawah RM2 juta.

"Pada 22 Disember lalu, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) diluluskan di Parlimen, Akta 98 ini akan meningkatkan bidang kuasa kes pembahagian harta pusaka daripada RM2 juta kepada RM5 juta selari dengan peningkatan hartanah semasa.

"Ia akan dapat membantu rakyat tanpa perlu membawa kes pembahagian ke mahkamah yang pastinya memerlukan kos khidmat guaman yang tinggi," ujarnya.

Kata Takiyuddin, Bahagian Pembahagian Pusaka di bawah kementerian itu kini menerima lebih 60,000 permohonan pembahagian pusaka setiap tahun.